

# KULIAH ZOHOR

**“Bekalan Rohani Hidup”**

**Masjid Maarof | 13 Mac 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

عَلَيْكُمْ بِقِيَامِ اللَّيْلِ فَإِنَّهُ دَابُّ الصَّالِحِينَ قَبْلَكُمْ وَإِنَّ قِيَامَ اللَّيْلِ قُرْبَةٌ إِلَى اللَّهِ وَمَنْهَاةٌ عَنِ الْإِثْمِ وَتَكْفِيرٌ لِلْسَّيِّئَاتِ

“Hendaklah kamu melaksanakan qiyamullail. Sesungguhnya ia adalah amalan para salihin sebelum kamu, alat mendekatkan diri kepada Tuhan kamu, penghapus bagi kejahatan, pencegah dari dosa dan penolak dari penyakit hasad.” (Riwayat Al-Turmuzi)

«اشْكَيْبَ دَرْدُ؟» قُلْتُ: نَعَمْ، يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: «قُمْ فَصَلِّ، فَإِنَّ فِي  
الصَّلَاةِ شِفَاءً»

Rasulullah s.a.w bertanya, “Adakah kamu ditimpa sakit perut?” Abu Hurairah berkata “Ya! Wahai Rasulullah.” Dia lalu bersabda, “Bangunlah dan lakukanlah solat. Sesungguhnya solat itu adalah penawar.” (Riwayat Ibn Majah)

" يَا بِلَالُ أَقِمِ الصَّلَاةَ أَرْخُنَا بِهَا "

“Wahai Bilal! Beriqamahlah untuk solat dan rehatkanlah kami dengannya.” (Riwayat Abu Daud)

# Pengajaran Hadis

1. Hidup ini penuh cabaran dan dugaan
  - memenatkan tubuh dan emosi
  - kegagalan, cemuhan dan ejekan manusia dan banyak perkara akan mengakibatkan “luka-luka” dijiwa
  - ada kala merasa kecewa, putus asa, lemah, penat, lelah dan tekanan
  - ini suasana kritikal, penentu samada akan terus berusaha atau berhenti

2. Untuk tangani, selain dari rawatan dalam bentuk kaunseling atau perubatan, jangan lupa amalan-amalan seperti solat sunat, qiyamullail dan ibadah-ibadah
  - ibarat penawar bagi “luka” dan “duka” dan merehatkan tubuh
  - Rasulullah s.a.w pun rasa keletihan dan mencari kerehatan dari solat
  
3. Pentingnya amal peribadi yang berterusan dalam
  - bukan hanya untuk merawat “luka”, juga mencegah
  - bina ketahanan fizikal dan emosi
  - jaga ketenangan
  - membersihkan jiwa

5. Rasulullah s.a.w adalah insan yang paling sibuk dengan urusan hidup dan dakwah dan paling perihatin terhadap umat
  - tidak pernah menjadikan kesibukan sebagai alasan untuk tidak melaksanakan solat-solat sunatnya dan ibadah lain
  
6. Bila jumpa insan bermasalah, selain dari menawarkan kaunseling dan rawatan perubatan kepada mereka
  - ajak lakukan ibadah-ibadah tertentu
  - supaya jiwanya menjadi tenang dan kuat
  
7. Ibadah menguat iman
  - membantu kuatkan azam

8. Kadangkala ibadah lebih mujarab dari nasihat dan ubat
9. Tunjuk kepekaan terhadap orang sekelilingnya sebagaimana Nabi s.a.w menunjukkan keperihatinan terhadap Abu Hurairah
10. Jika tidak ada apa-apa untuk ditawarkan
  - paling kurang anjurkan amalan-amalan yang boleh meringankan beban masalah



# KULIAH ZOHOR

**“Kebaikan Bukan Datang Dari Umat Islam Sahaja”**

**Masjid Maarof | 13 Mac 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ  
عَاشُورَاءَ فَقَالَ مَا هَذَا قَالُوا هَذَا يَوْمٌ صَالِحٌ هَذَا يَوْمٌ نَجَّى اللَّهُ  
بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ عَدُوِّهِمْ فَصَامَهُ مُوسَى شُكْرًا قَالَ فَأَنَا أَحَقُّ  
بِمُوسَى مِنْكُمْ تَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ

“Nabi s.a.w tiba di Madinah, kemudian beliau melihat orang-orang Yahudi berpuasa pada hari Asyura. Beliau bertanya: Apa ini? Mereka menjawab: Satu hari yang baik. Ini adalah hari di mana Allah menyelamatkan Bani Israil dari musuh mereka. Maka Musa berpuasa pada hari itu sebagai tanda syukur. Maka beliau Rasulullah menjawab: Aku lebih berhak terhadap Musa daripada kalian (Yahudi). Maka kami akan berpuasa pada hari itu sebagai bentuk pengagungan kami terhadap hari itu.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadis

1. Islam melarang umatnya dari mencontohi penganut agama lain
  - ada anjuran agar membezakan dirinya dari penganut agama lain
  - tujuannya ialah memelihara kesucian akidah dan ibadah umat Islam dan membina imej yang tersendiri
2. Tidak bermakna tidak boleh sama sekali mengambil sesuatu dari agama lain

3. Tidak benar persepsi bahawa tiada sesuatu sama sekali yang dapat diterima dari penganut agama lain
  - Rasulullah s.a.w akui apa yang baik dari Ahli Kitab
  
4. Apa yang ditolak bukan kerana datang dari agama lain
  - kerana bercanggah dengan prinsip Islam
  - tak salah guna sesuatu yang mempunyai kebaikan dan tidak bercanggah dengan Islam
  
5. Hari ini, tiada manusia yang mempunyai kuasa tasyri' untuk memperakui ritual penganut lain
  - tidak bermakna tiada sesuatu kebaikan yang boleh diterima dari mereka
  - kebaikan wujud bukan hanya pada aspek ritual semata-mata

6. Islam tidak datang untuk hapus yang lain
  - bukan datang untuk runtuhkan segala yang ada, bina sesuatu yang baru sama sekali
  
7. Islam datang membawa syariat
  - sebahagiannya adalah baru
  - sebahagian lain penerusan dari syariat dan adat istiadat lalu
  
8. Jangan tonjol imej ancaman terhadap apa jua yang bukan berasal dari Islam
  - orang lain rasa terancam dan terasing

9. Perlu sifat-sifat eksklusif untuk jati diri tersendiri
  - tidak bermakna tiada inklusif sama sekali
  
10. Akui perbezaan fundamental antara Islam dan agama lain dan titik persamaan
  - jangan sampai titik perbezaan melindung dari melihat titik persamaan
  
11. Hanya dengan akui titik persamaan dan berkeinginan untuk bersama dalam persamaan ini, jambatan dialog dan perbincangan antara penganut agama dapat dibina